

ترجم النص إلى اللغة العربية

1

Masa adalah sesuatu yang amat berharga. Maka tidak syak lagi bahawa pengurusan masa adalah penting dalam kehidupan manusia. Seseorang perlu bijak membahagikan masanya untuk bekerja, beribadah, berehat, bersukan dan sebagainya.

2

Seorang pelajar yang berjaya adalah pelajar yang merasakan bahawa sesungguhnya masa itu mempunyai nilai yang tinggi dan mengetahui bagaimana menggunakannya dengan cara yang betul. Dia akan membahagikan masa-masanya untuk mengulang kaji pelajaran-pelajarannya, mengerjakan kerja-kerja sekolah, turut serta dalam aktiviti-aktiviti sukan, kebudayaan dan kemasyarakatan. Dia juga menghabiskan waktu-waktu lapangnya dengan hobi-hobinya yang berfaedah.

3

Bagi pelajar yang akan menduduki peperiksaan, maka mengulang kaji pelajaran di awal waktu akan memudahkannya untuk menghadapi peperiksaan. Natiyahnya, pelajar akan memperoleh kejayaan yang cemerlang.

